

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran yang akan dibuat untuk menutup Syarikat MAS lama dan jumlah pampasan kepada kakitangan MAS dan pembekal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan pembayaran untuk menutup MAS yang lama adalah RM3 bilion seperti yang telah

diumumkan sebelum ini. Jumlah ini adalah bagi pembayaran kepada pemegang saham berdasarkan pengurangan dan pembayaran balik modal secara terpilih, pampasan pekerja, modal kerja, kos pentadbiran dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penutupan MAS.